

**PEMAKLUMAN PINDAAN PENGOPERASIAN POTONGAN CUKAI 2%
OLEH SYARIKAT PEMBAYAR KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU
PENGAGIH (INDIVIDU PEMASTAUTIN)
MULAI JULAI 2022**

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan perubahan pengemukaan bayaran potongan cukai 2% secara pentadbiran oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih (EPP) adalah seperti yang berikut:
 - i. Syarikat pembayar perlu membuat potongan cukai 2% kepada EPP bagi setiap transaksi potongan secara terkumpul mengikut bulan; dan
 - ii. Amaun potongan cukai 2% berkenaan hendaklah diremitkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya.

Contoh :

Potongan Cukai 2% Terkumpul Mengikut Bulan	Tarikh Akhir Perlu Diremit Kepada KPHDN
1 – 31 Julai 2022	31 Ogos 2022
1 – 31 Ogos 2022	30 September 2022
1 – 30 September 2022	31 Oktober 2022

- iii. Syarikat pembayar dikehendaki mengemukakan Borang CP107D – Pin 2/2022 dalam bentuk PDF dan Lampiran CP107D(2) dalam format Excel secara e-mel mengikut pusat bayaran seperti yang di bawah sebelum pembayaran dibuat. Pengemukakan borang dan lampiran secara e-mel adalah perlu bagi bayaran di kaunter bayaran atau secara pos.

Pusat Bayaran	Alamat e-mel
Pusat Bayaran Kuala Lumpur	pbkl-cp107d@hasil.gov.my
Cawangan Kuching	pbkc-cp107d@hasil.gov.my
Cawangan Kota Kinabalu	pbkk-cp107d@hasil.gov.my

Contoh:

Sekiranya e-mel dihantar ke Pusat Bayaran Kuala Lumpur, pembayaran boleh dibuat di Pusat Bayaran Kuala Lumpur sahaja.

- iv. Syarikat pembayar hendaklah mengemukakan salinan e-mel penghantaran Borang CP107D – Pin 2/2022 dan Lampiran CP107D(2)

semasa membuat bayaran, untuk pengesahan dan semakan oleh pusat bayaran sebelum resit dikeluarkan.

- v. Pastikan bilangan penerima, jumlah potongan cukai 2% dan nombor cek di Borang CP107D – Pin 2/2022 serta Lampiran CP107D(2) adalah sama dan tepat.
 - vi. Borang CP107D – Pin 2/2022 dan Lampiran CP107D(2) boleh diakses dan dimuat turun dari Portal Rasmi HASiL melalui pautan di bawah:
<https://www.hasil.gov.my/borang/muat-turun-borang/muat-turun-borang-cukai-pegangan/?subKategoriCukaiPegangan=Semua&tahun=Semua>
2. Sebelum membuat pengisian Lampiran CP107D(2), syarikat pembayar perlu memastikan penerima mempunyai nombor cukai pendapatan. Sekiranya penerima tidak mempunyai nombor cukai pendapatan, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui e-Daftar di <https://edaftar.hasil.gov.my/>.
 3. Kelayakan dalam memastikan EPP itu layak dibuat potongan dalam tahun 2022 adalah berdasarkan nilai ambang RM100,000 penerimaan bayaran (tunai dan bukan tunai) pada tahun sebelumnya (tahun 2021).

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 09 Julai 2022